

20/04/2002

Malaysia sedia hantar satu batalion ke Palestin

PEKAN, Jumaat - Malaysia sedia menghantar satu batalion tentera mengandungi 1,500 anggota pelbagai unit sebagai pasukan pengaman ke Palestin jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memutuskan keperluan tentera pengaman di negara itu.

Kekuatan batalion yang sedia dihantar ke Palestin itu menyamai jumlah anggota yang pernah dihantar ke Bosnia Herzegovina, sebelum ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata Malaysia sudah lama bersedia menghantar pasukan tentera pengaman ke Palestin kerana berpendapat campur tangan PBB untuk memisahkan dua puak yang bersengketa mampu mendamaikan Palestin.

"Kita berharap dunia tidak akan membiarkan keadaan di Palestin berterusan dan mahu PBB segera mencadangkan pasukan pengaman kerana sudah ramai mereka yang tidak berdosa menjadi mangsa dan dizalimi.

"Sekiranya perkara ini menjadi satu ketetapan PBB, kita sedia menghantar satu batalion mengandungi 1,500 anggota pelbagai unit, termasuk kereta perisai (APC)," katanya selepas menyampaikan anugerah pelajar cemerlang sekolah rendah dan menengah daerah ini di Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, di sini petang semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini berkata, Malaysia sedia menghantar tentera ke Palestin jika PBB memutuskan menghantar pasukan tentera pengaman.

Mengulas imbuhan yang mungkin diberi kepada anggota tentera yang berkhidmat pada zaman darurat seperti dinikmati bekas polis, Najib berkata perkara itu masih dikaji secara teliti.

"Kita sedang mengkaji implikasinya kerana bekas tentera terbahagi kepada beberapa kategori. Ada yang masuk tentera British dan kini mendapat bayaran pencen. Ada yang berkhidmat dalam tentera kita yang juga mendapat pencen, malah ada yang masuk Askar Wataniah. Kategorinya pelbagai dan kita terpaksa halusi dengan mendalam sebelum pemberian itu diagihkan," katanya.

Sementara itu, bercakap selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Hulu Selangor hari ini, Najib berkata, kerajaan ini akan terus menahan dan menangkap mereka yang diyakini memudaratkan keselamatan negara.

Beliau berkata, usaha ini akan terus dijalankan secara bersepadu membabitkan kementeriannya dan Kementerian Dalam Negeri.

Katanya, walaupun kementeriannya lebih menjurus kepada mengawal ancaman dari luar, dalam keadaan tertentu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan ditugaskan bagi mengawal keselamatan dalam negeri.

"Usaha ini dibuat secara kerjasama menerusi penyelarasan tugas yang mana Kementerian Dalam Negeri menguat kuasa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Polis di-Raja Malaysia (PDRM) mengawal keselamatan dalam negara.

"Kita (Kementerian Pertahanan) bertanggungjawab mengawal ancaman daripada pihak luar tetapi dalam keadaan tertentu kita juga akan bertindak mengawal keselamatan dalam negeri," katanya.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, penahanan 14 lagi anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) semalam, membuktikan pihak berkuasa mengetahui tindakan kumpulan terbabit akan memudaratkan keselamatan negara.

Beliau berkata, tindakan itu juga menunjukkan kerajaan serius membanteras ancaman penganas dan bukan setakat bercakap saja.

"Ini bermakna kita bukan setakat bercakap tetapi mampu bertindak dan paling penting kita bertindak sebelum kejadian buruk berlaku," katanya.

( END )